

## PENDIDIKAN ISLAM UNTUK SAUDARA BARU ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Burhanuddin Jalal,  
Sayuti Ab Ghani,  
Amnah Saayah Ismail

### ABSTRACT

*Malaysian Armed Forces Religious Corps was established in 1985, has tried to convey the Islamic da'wah and Islam in particular against members of the Armed Forces. Effects of missionary work submitted has affected non-Muslim groups and then embraced to Islam. This study was conducted to see to what extent the development of new converts in the Armed Forces. Library research, questionnaire, interview and observation were used to obtain data relating to the development and education of a new sibling. The study questionnaire was used as an instrument field to see the problems, challenges members of the Army of Islam. The study questionnaire was used as an instrument field to see the problems, challenges members of the Army of Islam. The study was conducted on 57 respondents who were members of the ATM as sample. Random sampling technique was used and the results were analyzed using SPSS version 16 using descriptive and inferential. The findings may explain openly about the development of converts among members of the armed forces of Malaysia after converting to Islam as well as information about the state and community feedback solution to convert and pluralistic society and responsibility to support and spread propaganda against communities of different races and cultures in Malaysia.*

Keywords: converts, , cross cultural, religion, education

### LATAR BELAKANG

Kor Agama Angkatan Tentera atau lebih sinonim dengan panggilan KAGAT telah ditubuhkan secara rasminya pada 16 April 1985 setelah pelbagai usaha dilakukan untuk mewujudkan sebuah institusi khas yang mengendalikan hal ehwal keagamaan dan kerohanian dalam Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT di persada kegemilangan: 2005). Tugas dan tanggungjawab yang dimainkan oleh KAGAT tidak boleh dianggap mudah kerana peranannya begitu luas yang meliputi ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Memandangkan keanggotaan di dalam ATM rata-ratanya terdiri daripada orang Melayu beragama Islam. Maka wajarlah sebuah organisasi di bawah ATM diberikan mandat untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan anggotanya. Malah penubuhan KAGAT pada waktu itu adalah tepat pada masanya kerana berdasarkan sejarah silam, negara telah mewarisi corak kepimpinan dan pentadbiran tentera British sejak sebelum merdeka lagi (Mohammad Rahim Awang 1998).

Perlembagaan Malaysia, dalam perkara 3(1), telah termaktub menyebutkan bahawa, "Agama Islam ialah agama persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan" (Perlembagaan Persekutuan 2007).

Berdasarkan perkara tersebut, agama merupakan salah satu ciri yang penting bagi negara Malaysia, dan oleh yang demikian wajar untuk berusaha dan menerapkan nilai-nilai Islam kepada tatacara Perkhidmatan Awam negara ini selaras dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia seperti yang telah disebut dalam Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Abdul Hamid Zainal Abidin (1990). Secara amnya, kegiatan-kegiatan Keislaman di Malaysia selepas merdeka terbahagi kepada dua bahagian. Pertama ialah kegiatan bersifat rasmi seperti yang dijalankan oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan juga kegiatan serta program agama yang dikelolakan oleh Majlis Agama Islam di negeri-negeri. Kedua, kegiatan agama yang dijalankan secara tidak rasmi oleh rakyat dan juga orang ramai menerusi pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti persatuan penduduk, Persatuan Kebajikan Islam Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia dan sebagainya (Wan Hussein Azmi, 1980).

Pengurusan dakwah terhadap saudara baru merupakan salah satu isu penting yang perlu diberi perhatian. termasuk oleh Kor Agama Angkatan Tentera. Jika isu ini tidak dapat diselesaikan, dibimbangi akan berlaku gejala-gejala seperti murtad, bertambahnya golongan peminta sedekah jalanan, keruntuhan institusi rumah tangga dan seumpamanya.

Kajian ini memberikan tumpuan kepada usaha dakwah yang dilakukan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia khususnya terhadap saudara baru dalam angkatan Tentera, program pendidikan Islam terhadap saudara baru dalam ATM dan juga permasalahan-permasalahan yang wujud dalam kalangan saudara baru dalam Angkatan Tentera Malaysia.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Islam merupakan agama yang menjanjikan kesejahteraan hidup kepada para penganutnya. Rasulullah SAW merupakan insan mulia yang ditusukan untuk membawa kesejahteraan kepada seluruh isi alam. Islam membentangkan pelbagai panduan kehidupan yang mencakupi segenap aspek. Ini semua dinyatakan oleh sumber-sumber asas panduan hidup dalam Islam sama ada oleh al-Quran atau Hadis secara putus atau dinyatakan para ulama yang memperjelaskan sumber-sumber tersebut. Namun demikian berdasarkan kepada pelbagai maklumat dan paparan berita masih terdapat sebahagian umat Islam yang masih teracari-cari kesejahteraan hidup yang dijanjikan itu. Persoalannya adakah mereka ini tidak berusaha mendapatkan kesejahteraan itu seperti yang dituntut atau ketiadaan usaha dari mana-mana pihak yang membantu mereka mencapai impian yang dijanjikan Islam itu. Inilah topik yang selalu berlegar dan menjadi isu dalam kalangan saudara baru yang telah memilih Islam sebagai cara hidup. Umum mengetahui bahawa pihak berwajib dan diberikan tanggungjawab dan juga pelbagai pihak lain telah melakukan apa yang perlu untuk memastikan golongan saudara baru mendapat sebuah kehidupan yang sejahtera berasaskan kepada ajaran Islam yang dianuti. Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau dan menelusuri bagaimanakah pelaksanaan pengurusan dakwah yang dilaksanakan kepada golongan saudara baru oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang diberikan tanggungjawab dan pihak-pihak lain yang turut memberikan sumbangan dan bantuan kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh saudara baru. Kajian ini akan cuba mendapatkan maklumat dan pandangan dari pelbagai aspek yang mungkin boleh memperjelaskan isu sebenar yang telah dan sedang berlaku. Kajian terhadap pengurusan dakwah terhadap saudara baru ini dilaksanakan secara khusus dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Antara Objektif utama kajian dilaksanakan ialah :

- a. Menjelaskan sistem pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia.
- b. Mengkaji cabaran-cabaran dakwah terhadap saudara baru yang dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia serta cabaran yang dihadapi oleh saudara baru.
- c. Mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam kalangan saudara baru dalam angkatan Tentera Malaysia yang mengakibatkan mereka keluar dari Islam.

## KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini diharap dapat membantu semua pihak terutama pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru khususnya dalam Angkatan Tentera Malaysia. Menjadi harapan agar dapatan kajian ini akan memantapkan lagi sistem pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Hasil kajian ini juga diharap membantu pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Berasaskan kepada kajian yang dilakukan, mungkin langkah-langkah sewajarnya boleh dilakukan dalam usaha mereka untuk memberikan sumbangan dan bantuan kepada saudara baru. Seterusnya hasil daripada kajian ini, diharapkan golongan saudara baru akan mendapat perhatian dan bantuan sebaik mungkin yang akhirnya membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu golongan saudara baru meneruskan kehidupan sebagai seorang Muslim dalam keadaan tenang, aman dan sejahtera. Keseluruhan atau sebahagian masalah yang dihadapi sama ada berpunca daripada diri sendiri, keluarga, masyarakat, pekerjaan, pembelajaran dan sebagainya bukan lagi menjadi halangan untuk menjadi seorang Muslim sejati.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian deskriptif. Ini bermaksud kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif ini juga disebut oleh Neuman (1991) sebagai *process of triangulation*. Menurut Miller & Salkind (2002) kajian yang terbaik ialah kajian yang menggabungkan ciri-ciri kuantitatif dan kualitatif dan seterusnya Neuman (1991) menyatakan kelemahan kuantitatif dapat ditampung dengan kualitatif dan begitulah sebaliknya. Selain dari itu, instrumen kajian bagi mendapatkan data adalah melalui cara-cara berikut:

(i). **Kajian Perpustakaan.** Kaedah ini akan dilaksanakan di sepanjang kajian bertujuan untuk mendapatkan data-data sekunder bagi membantu pengkaji membuat ulasan yang komprehensif tentang literatur yang berkaitan dengan bidang atau tajuk subjek yang dikaji. Dalam kaedah ini pengkaji akan mengumpul data-data yang berkaitan dengan penghayatan Islam dan melalui kaedah yang sama pengkaji akan cuba mengenal pasti takrif dan pendapat pengkaji terdahulu tentang apa sahaja yang berkaitan dengan penghayatan Islam.

(ii). **Kajian Lapangan.** Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang primer bagi mengukur tahap penghayatan Islam berdasarkan tahap-tahap berikut:

(iii). **Temu Bual.** Temu bual digunakan dalam kajian ini kerana ia mempunyai beberapa kelebihan. Melalui temu bual dapat membina hubungan baik dengan responden untuk mendapatkan maklumat lanjut dan lebih mendalam serta boleh menjelaskan sebarang persoalan tidak jelas (Gall et al. 1996: 201) Maklumat dan penilaian yang mendalam akan diperoleh melalui kaedah temu bual. Ini dapat dilakukan dengan cara temu bual dengan menggunakan kaedah *Purpose sampling*. Melalui kaedah ini penyelidik boleh memilih individu atau kumpulan yang terbaik untuk dikaji (Denscombe 1998: 38).

(iv). **Pemerhatian.** Kaedah pemerhatian juga akan digunakan dalam kajian ini. Melalui metodologi ini, pemerhatian terhadap perjalanan aktiviti harian anggota tentera khususnya di kawasan responden kajian berkaitan dengan pengamalan Islam dilihat dan diperhatikan.

(v). **Soal Selidik.** Soal selidik yang dilakukan dalam kajian ini bagi tujuan melihat tahap pendidikan, penghayatan Islam serta masalah dalam kalangan saudara baru berasaskan objektif kajian. Soal selidik yang diedarkan kepada responden telah melalui ujian rintis (*pilot studies*). Setelah melalui ujian rintis dan pembedulan borang soal selidik yang

mengandung soal-soal tertentu dijawab kepada responden. Setiap soal mengandung skala-skala tertentu dengan menggunakan skala Likert. Penganalisisan data yang diperoleh dibuat melalui analisis komputer menggunakan *Statistical Package for Social Science for windows version 16.0 (SPSS)*. Kaedah kuantitatif digunakan di dalam penganalisisan data kajian. Analisis yang digunakan ke atas data adalah frekuensi dan peratusan yang melibatkan min dan sisihan piawai.

### SORORAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian ilmiah tentang golongan saudara baru, namun kajian mengenai pengurusan dakwah terhadap saudara baru masih di peringkat permulaan. Keadaan ini mungkin disebabkan penumpuan kajian yang lebih mendalam kepada tajuk-tajuk seperti sebab-sebab saudara baru menganut Islam, sebab-sebab berlakunya kemurtadan di kalangan saudara baru dan sebagainya. Di antara kajian-kajian terdahulu ialah:

- a). "Sebab-Sebab Saudara Baru Memeluk Islam oleh Dr. Nawawi Jusoh, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (2003). Dalam kajiannya, Dr. Nawawi Jusoh telah mengemukakan sebab-sebab yang mendorong saudara-saudara baru memeluk Islam yang antara lain terangkum dalam sebab-sebab seperti kerana ingin berkahwin, kerana tertarik dengan cara hidup Islam seperti yang ditunjukkan rakan-rakan sekerja atau sepembelajaran atau sama tempat kediaman atau kerana bacaan mengenai Islam melalui buku-buku atau kerana mendapat penerangan mengenai Islam daripada kenalan yang telah memeluk Islam atau dari pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam aktiviti dakwah Islamiah.
- b). Azhar Yaakub, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2000), "Sebab-Sebab Saudara Baru Menjadi Murtad". Dalam kajiannya, Azhar Yaakub telah mengemukakan sebab-sebab yang mendorong sebahagian saudara baru menjadi murtad yang antara lain berpunca daripada perceraian, tekanan keluarga, bebanan kewangan, dipulaukan ahli keluarga dan rakan-rakan dan ketiadaan pimpinan berterusan dari sudut keilmuan Islam dan lain-lain.
- c). "Kefahaman Akidah Di kalangan Saudara Baru (Yusri Abu: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2004). Dalam kajiannya, Yusri Abu telah mengemukakan dapatannya mengenai tahap-tahap kefahaman saudara baru terhadap akidah Islamiah, bentuk-bentuk pengajian yang diikuti oleh saudara baru seperti pengajian ilmu fardu ain, pengajian al-Quran dan lain-lain serta kelas-kelas pendidikan umum untuk meningkatkan kefahaman saudara baru terhadap ilmu-ilmu Islam seperti panduan kehidupan berjiran dan seumpamanya.
- d). "Kefahaman Tentang Islam Dan Pengamalan Oleh Saudara-Saudara Baru Sekitar Kuala Lumpur (Mahfuz Hj Teh, Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1992) Kajian ini antara lain mengemukakan bentuk-bentuk kefahaman asas mengenai Islam di kalangan saudara baru. Seterusnya ia melihat aspek-aspek ajaran Islam yang banyak dihayati dan diamalkan di kalangan saudara baru. Ia juga turut merumuskan bahawa tahap penghayatan ajaran Islam di kalangan saudara baru perlu dipertingkatkan untuk mengelak golongan ini menghadapi masalah kecelaruan dalam beribadat.
- e). "Dorongan Penganutan Agama Islam Bagi Saudara-Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan Dan Masalah-Masalah Yang DiHadapi ( Maziah Husain (1996), Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Kajian ini pula antara lain mengemukakan sebab-sebab golongan saudara baru menganut Islam dan masalah-masalah yang dihadapi kerana memeluk Islam. Antara lain ia memperjelaskan terdapat pelbagai sebab yang mendorong seseorang saudara baru menjadi Islam seperti kerana pergaulan, perkahwinan, ingin mencari ketenangan dan sebagainya. Oleh kerana kajian tersebut ada menyentuh tentang masalah-masalah saudara baru ia telah digunakan oleh penulis sebagai sebahagian garis panduan dalam menghuraikan permasalahan yang timbul di kalangan saudara baru.
- f). "Islamic Outreach ABIM : Pendekatan Dakwah Terhadap Non Muslim Dan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan ( Nor Patimah Abd Rahim (1990), Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Kajian ini mengemukakan pendekatan-pendekatan dakwah yang dilakukan oleh ABIM kepada golongan saudara baru yang dipecahkan kepada beberapa tahap seperti golongan saudara baru yang baru memeluk Islam, dan telah lama memeluk Islam. Pendekatan-pendekatan yang digunakan antara lain seperti pengedaran risalah, majlis penerangan dan usrah dan sebagainya. Pendekatan-pendekatan dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang telah dikemukakan dalam kajian ini telah membantu penulis mendapatkan maklumat berkaitan bagaimana untuk memberikan kefahaman Islam kepada golongan saudara baru.
- g). "Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad Di Lembah Klang (Norhafizah bt Musa (2002), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Kajian ini menyusuri sebab-sebab terjadinya murtad di kalangan saudara baru yang antara puncanya tidak terus mendalam ajaran Islam setelah memeluk agama Islam. Faktor memeluk Islam hanya kerana ingin berkahwin juga tidak menambahkan kecintaan kepada Islam, dan tidak terkecuali faktor kemiskinan terus meningkatkan peratus golongan saudara baru meninggalkan Islam. Seterusnya kajian ini menjelaskan bagaimana pihak berkuasa agama menangani isu ini melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan dengan kerja sama pelbagai pihak yang terlibat. Pengkaji telah mengemukakan langkah-langkah tertentu yang telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama dalam usaha mereka untuk memberi kesedaran yang sebenar kepada golongan saudara baru mengenai ajaran Islam.

h). “Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang, Selangor (Abdul Munir b Hj Ismail (2003), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Dalam kajian berkaitan tajuk di atas, pengkaji telah menumpukan kajian berkaitan aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan di kalangan banduan di Penjara Kajang, Selangor Darul Ehsan. Pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa pelbagai metodologi dakwah telah digunakan pihak berkuasa penjara dengan kerja sama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membimbing para banduan mendalami dan menghayati ajaran Islam. Selain daripada melihat adanya keberkesanan dari usaha dakwah yang dilakukan, pengkaji juga mengakui bahawa wujud masalah-masalah yang menjadi halangan kepada penghayatan tersebut seperti keadaan persekitaran penjara dan terutama sekali disebabkan sikap tidak berminat para banduan terhadap seruan yang disampaikan yang di antara puncanya adalah kerana latar belakang pendidikan agama yang lemah.

i). Ab Aziz Mohd Zin (2006), “*Dakwah Islam Di Malaysia*”, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) Selain daripada menjelaskan tentang kepelbagaian anutan agama dan kepercayaan penduduk Malaysia yang didasarkan kepada suku bangsa atau kaum yang ada, buku ini juga telah memperjelaskan tentang perkembangan aktiviti dakwah dan institusi-institusi dakwah yang terdapat di Malaysia. Terdapat pelbagai institusi atau badan dakwah, dari pihak kerajaan atau bukan kerajaan yang telah diuraikan peranan dan aktivitinya oleh penulis. Juga dikemukakan tentang permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh institusi-institusi dakwah dalam penganjuran aktiviti dakwah.

## DAPATAN KAJIAN

Antara dapatan penting hasil dari kajian ini ialah seperti berikut:

a. **Pendidikan Saudara Baru.** Dalam usaha untuk memastikan anggota atau pegawai tentera yang telah memeluk Islam dan menjadi Saudara Baru, pihak Pejabat Agama pasukan sentiasa memastikan setiap saudara baru dibimbing dan diberikan pendidikan Islam dengan sempurna melalui bimbingan secara peribadi atau melalui program atau kursus yang dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Antara program yang biasa dilaksanakan oleh Kor Agama ATM dalam usaha mengukuh pendidikan Islam ialah seperti berikut:

- i. Kursus intensif saudara baru.
- ii. Kelas-kelas fardu ain.
- iii. Kursus intensif saudara kita (lanjutan).
- iv. Program dan aktiviti sosial.
- v. Kursus perkaderan pendakwah.
- vi. Kursus perkaderan profesional.

b. **Cabaran dalam kalangan saudara baru.** saudara baru atau muallaf tidak terlepas daripada cabaran-cabaran ketika memeluk Islam yang mampu menggugat keimanan dan pegangan mereka sekiranya tidak ada pendirian yang kukuh. Pelbagai jenis cabaran yang terpaksa dilalui sama ada dari segi kejutan budaya, tentangan ahli keluarga, penghinaan masyarakat, gangguan emosi dan sebagainya. Bila cabaran ini tidak dapat di atasi dengan bijak dan segera maka masalah lain akan timbul bahkan akan membawa kepada lebih serius iaitu kembali kepada agama asal (murtad). Oleh itu hasil dari kajian yang lepas secara umumnya pengkaji akan menyenaraikan beberapa cabaran yang dihadapi oleh golongan muallaf dan pengkaji akan membahagikan cabaran tersebut kepada tiga kategori iaitu cabaran daripada ahli keluarga, masyarakat dan integrasi budaya agama Islam yang baru mereka anuti.

c. **Ahli keluarga.** Pelbagai cabaran ditempuh oleh saudara baru Muslim semasa dan selepas memeluk agama Islam. Antaranya ialah mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang lama mengakui anak kandung oleh ibu bapa, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putusanya segala perhubungan sama ada dari segi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain., benar-benar mengganggu emosi dan seterusnya menyebabkan tekanan perasaan (Nur Athirah Masyaa’il Tan Abdullah, 2009).

Sebahagian cabaran yang dihadapi oleh muallaf ialah penyingkiran dan pemuluan daripada kaum keluarga sendiri. Sebahagian besar ahli keluarga menganggap menukar agama kepada Islam merupakan satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa Islam hanya untuk orang Melayu. Memeluk Islam dianggap sebagai satu pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan perjuangan bangsa kerana bagi mereka ia termasuk kepada perbuatan memutuskan ikatan kekeluargaan. Oleh sebab itu wujudnya dalam kalangan muallaf yang disingkirkan oleh keluarga dan masyarakat mereka. Terdapat juga sesetengah muallaf yang tinggal bersama keluarga yang bukan Islam tetapi mereka disisihkan dari segala aspek kehidupan keluarga. Masalah ini bukan suatu perkara yang baru bahkan ia seakan-akan telah menjadi satu tradisi yang wujud bersama penerimaan muallaf terhadap agama Islam (Abdul Ghafar Don 2011).

Dalam kajian yang telah dilakukan, mendapati bahawa cabaran dalam kalangan ahli keluarga golongan muallaf ialah ‘*disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam*’ dan ‘*di label sebagai masuk Melayu*’ merupakan antara cabaran yang paling menonjol.

**Jadual 1: Taburan Cabaran Dalam Masyarakat Responden Golongan Muallaf**

Bil	Kenyataan	Sangat tidak setuju(%)	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju (%)
-----	-----------	------------------------	--------------	--------	-------------------

		(%)	(%)	(%)	(%)
1	Masyarakat menganaktirikan mualaf	16	29	8	4
2	Keluarga angkat tidak memberikan pendidikan agama	19	27	6	5
3	Masyakat memandang serong kepada golongan mualaf	17	26	6	6
4	Masyarakat tidak membantu dalam pembangunan mualaf	18	24	9	6
5	Masyarakat mempertikai niat memeluk Islam	15	25	10	7
6	Masyarakat prejudis dengan tujuan memeluk Islam	16	26	9	5
7	Disindir oleh masyarakat kerana memeluk Islam.	16	26	10	4
8	Masyarakat tidak mampu membela nasib mualaf	14	33	6	4
9	Ketiadaan tempat mengadu masalah	14	25	12	6
10	Ketiadaan tempat merujuk berkaitan ilmu-ilmu agama Islam	17	26	10	4

Sumber: Burhanuddin Jalal. 2011

#### d. Integrasi budaya Islam.

Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik (Shamsul Amri Baharuddin 2012). Dalam pengertian lain, integrasi merupakan satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara seluruhnya melalui ideologi negara supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama dalam kalangan mereka. Perpaduan masyarakat merupakan sebahagian komponen yang penting daripada pembangunan negara. Oleh itu, mustahak bagi kita meneliti latar belakang dan ciri-ciri masyarakat majmuk di negara kita (Sanusi Osman, 1989).

Menurut George Simmel, interaksi antara manusia adalah asal usul segala kehidupan sosial. Masyarakat terdiri daripada berbagai-bagai bentuk hubungan dan interaksi, di antara individu. Contoh beberapa interaksi ialah konflik, kerjasama, persaingan, pembahagian tugas dan hubungan superioriti dan inferioriti (Ting Chew Peh 1979).

Sebahagian daripada golongan mualaf sudah mempunyai pekerjaan sebelum memeluk Islam dalam bidang-bidang yang bercanggah dengan Islam. Misalnya, bekerja di premis judi, kilang arak, kelab malam dan sebagainya. Selepas memeluk Islam golongan ini berada dalam dilema di antara dua keadaan iaitu sama ada meneruskan pekerjaan dengan mengetepikan tuntutan agama ataupun berhenti bekerja dan mencari pekerjaan baru untuk menyara diri dan keluarga. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan mualaf yang mendapat tekanan dari majikan yang bukan Islam selepas mengetahui mereka memeluk Islam sehingga dipecat atau berhenti sendiri kerana tidak mampu menyerap tekanan-tekanan tersebut (Abdul Ghafar Haji Don 2011).

Hasil kajian terhadap cabaran integrasi budaya Islam mendapati bahawa terdapat tiga item pemboleh ubah yang mendapat skor tertinggi secara keseluruhan daripada 10 item yang dikemukakan kepada golongan mualaf. Antara item tersebut ialah item 'sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam', 'Sukar membezakan amalan masyarakat Melayu dengan Islam' dan item 'sukar menyebut huruf-huruf dalam Bahasa Arab'.

**Jadual 2: Taburan Cabaran Integrasi Budaya Islam Responden Golongan Mualaf**

Bil	Kenyataan	Sangat tidak setuju(%)	Tidak setuju (%)	Setuju (%)	Sangat setuju (%)
1	Sukar untuk meninggalkan amalan lama sebelum memeluk Islam	19	23	11	4
2	Masih berpegang dengan pantang larang masyarakat lama	20	24	8	5
3	Masih beramal dengan adat istiadat lama yang tidak bercanggah dengan Islam	17	22	13	5
4	Sukar untuk menunaikan solat fardu	18	25	8	6
5	Sukar untuk berpuasa di bulan Ramadan	18	23	10	6
6	Sukar untuk mempelajari al-Quran	13	24	9	1
7	Sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam	17	24	9	7
8	Sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam	18	23	11	5
9	Sukar untuk menyebut huruf-huruf al-Quran (Bahasa Arab)	13	15	6	3
10	Sukar untuk mempraktikkan ajaran-ajaran	14	26	12	5



yang dituntut dalam Islam

Sumber: Burhanuddin Jalal 2011

**e. Kewujudan kes-kes mualaf yang keluar semula daripada Agama Islam.**

Berdasarkan temu bual bersama responden kajian dan juga kajian Aidit Ghazali (2014) mendapati bahawa golongan mualaf cenderung untuk daripada agama Islam berdasarkan beberapa faktor utama. Jadual 3 menjelaskan bahawa faktor persekitaran menyumbang kepada isu murtad. Selain dari itu faktor, 'kurang mendapat sokongan dan bimbingan dari masyarakat Islam', 'cara dan gaya hidup masyarakat Islam yang tidak menggambarkan ajaran Islam sebenar', turut menjadi penyumbang kepada sebab-sebab segelintir mualaf untuk keluar agama.

**Jadual 3: Perincian sebab mualaf keluar Islam mengikut faktor**

Kategori	Perincian
Persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang bantuan dan sokongan daripada masyarakat Islam</li> <li>• Kurang bimbingan daripada masyarakat dan pasangan</li> <li>• Cara hidup masyarakat Islam yang tidak mencerminkan ajaran Islam sebenar</li> <li>• Masih terpengaruh dengan agama asal</li> <li>• Gagal menyesuaikan diri dengan agama baru</li> </ul>
Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang kefahaman tentang Islam</li> <li>• Tidak mampu mempelajari Islam agama Islam kerana buta huruf</li> </ul>
Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang pemantauan dari pihak berkuasa atau agensi agama</li> <li>• Niat untuk memeluk Islam tidak jelas (untuk berkahwin atau dapatkan bantuan)</li> </ul>
Harta	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah kewangan yang kritikal</li> <li>• Bantuan tidak konsisten dan tidak mencukupi</li> <li>• Bantuan kewangan dari institusi agama bukan Islam</li> </ul>
Faktor - X	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak tahu wujud institusi Islam yang boleh memberi sokongan fizikal dan mental kepada mualaf</li> </ul>

Sumber: Burhanuddin Jalal 2011

**RUMUSAN DAN CADANGAN**

Secara umumnya, wujudnya perbezaan integrasi golongan saudara baru terhadap kebudayaan masyarakat Melayu, walaupun kehidupan anggota tentera pada umumnya terdedah kepada budaya orang Melayu kerana majoriti anggota tentera terdiri dari orang Melayu. Selain dari itu pihak Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) perlu menambah baik aspek pengurusan dakwah khususnya berkaitan dengan saudara baru walaupun jumlahnya tidak ramai. Antaranya ialah:

- a. Tingkatkan lagi kefahaman para golongan saudara baru terhadap kefahaman Islam dan kebudayaan Melayu supaya penerimaan terhadap kebudayaan Melayu dapat diterima dengan baik dan secara langsung mewujudkan integrasi yang kuat.
- b. Majoriti anggota tentera yang berbangsa Melayu-Islam merupakan golongan yang wajib memikul tanggungjawab untuk membimbing para saudara baru dan perlu mengamalkan budaya Melayu yang baik dan dengan secara tidak langsung dapat menunjukkan Islam agama yang syumul dan unggul.

Kesimpulannya, usaha dakwah Islamiah dalam Angkatan Tentera Malaysia perlu terus di dipertingkatkan, dimantapkan dan diperkukuh. Pemantapan pengurusan dakwah ini juga merangkumi aspek pendakwah iaitu anggota dan pegawai KAGAT. Membina kualiti manusia pendakwah amat penting khususnya dari aspek ilmu, maklumat, kemahiran dan sikap. Sekiranya kualiti pendakwah dapat dibina sekali gus ia dapat melahirkan pendakwah yang berdisiplin serta mampu berkomunikasi dengan golongan sasaran dengan sempurna serta mampu menghayati konsep 'hikmah' dalam dakwah seperti yang telah difirmankan oleh Allah (s.w.t.) dalam Surah al-Nahl (16:125) yang bermaksud, "*Serulah ke jalan tuhan-mu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya tuhan-mu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk*".

**RUJUKAN**

- Al-Quran al-Karim  
 Ab Aziz Zain (2006). (2006), "*Dakwah Islam Di Malaysia*", Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)  
 Abdul Ghafar Haji Don. (2011). *Islam dan saudara kita*. Shah Alam: BPI Majlis Agama Islam Selangor.

- Abdul Hamid Zainal Abidin. (1990). *Cabaran masa depan KAGAT*. Kuala Lumpur: Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia.
- Abdul Munir b Hj Ismail (2003), *Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang, Selangor*. Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Aidit Ghazali. (2014). *Development An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Azhar Yaakub (2000), *Sebab-Sebab Saudara Baru Menjadi Murtad*, (Tesis, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Burhanuddin Jalal. (2011). *Penghayatan Islam dalam kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Bahan Tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Denscombe, Martyn. (1998). *The good research guide*. Buckingham: Open University Press.
- Gall, M.D, Joyce, P. Gall & Walter, R. Borg. (1996). *Educational research an introduction*. New York: Longman.
- Mahfuz Hj Teh (1992), *Kefahaman Tentang Islam Dan Pengamalan Oleh Saudara Baru Sekitar Kuala Lumpur*, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Maziah Husain (1996), *Dorongan Penganutan Islam Bagi Saudara-Saudara Baru Bagi Wilayah Persekutuan Dan Masalah-Masalah Yang Dihadapi*, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Miller, Delbert C. & Salkind, Neil J. (2002). *Handbook of research design and social measurement*. London: Sage Publication.
- Mohammed Rahim Awang. (1998). *Pembinaan sahsiah tentera dalam Islam dan kaitannya dengan ketenteraan masa kini*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Bahan Tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nawawi Jusoh (2003), *Sebab-Sebab Saudara Baru Memeluk Islam*, (Tesis, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Neuman, William Lawrence. (1991). *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches*. Boston: Allyn And Bacon.
- Nor Patimah Abd Rahim (1990), *Islamic Outreach ABIM : Pendekatan Dakwah Terhadap Non Muslim Dan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan*, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Norhafizah bt Musa (2002), *Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad Di Lembah Klang*, (Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Nur Athirah Masyaa' il Tan Abdullah. (2009). *Agama dalam pelbagai Etnik*. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah dan Kepimpinan , Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanusi Osman. (1989). *Ikatan etnik dan kelas di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul hubungan etnik*. Bangi. Pusat Kajian dan Hubungan Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tanpa Pengarang. (2005). *Jabatan Arah KAGAT. Di persada kegemilangan*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Tanpa Pengarang. (2007). *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Ting Chew Peh. (1979). *Konsep asas sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hussein Azmi Wan Abd Kadir. (1980). *Islam di Malaysia: kedatangan dan perkembangan (Abad 7-20M)*. Dlm *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Yusri Abu (2004), *Kefahaman Akidah Di Kalangan Saudara Baru*, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Burhanuddin Jalal,  
Assoc. Prof, Dr, Islamic studies,  
National Defence University of Malaysia.  
burhanuddin@upnm.edu.my

Sayuti Ab Ghani,  
Assoc. Prof, Dr, Islamic studies.  
National Defence University of Malaysia.  
sayuti@upnm.edu.my

Amnah Saayah Ismail,  
Senior Lecturer , Islamic studies.  
National Defence University of Malaysia.  
amnah@upnm.edu.my